

04 SEP 1999

Siti Zaharah-Sabah

WANITA UMNO SABAH AKAN BANTU TAWAN KELANTAN, KATA SITI ZAHARAH

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Wanita Umno Sabah akan membantu usaha Barisan Nasional (BN) menawan Kelantan dan telah diberi tanggungjawab mendekati kumpulan sasar di Bahagian Kubang Kerian, kata Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, hari ini.

Pergerakan Wanita Umno negeri-negeri yang lain juga akan diberi tanggungjawab yang sama, tetapi di bahagian yang berbeza, katanya.

"Program mengambil anak angkat di setiap jajahan di Kelantan ini bertujuan mendekati kumpulan sasar di peringkat akar umbi," katanya pada sidang berita selepas menerima kunjungan hormat anggota Pergerakan Wanita Umno Sabah, di sini, hari ini.

Ketua Pergerakan Wanita Sabah yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan Sabah Datuk Norjan Khan Bahadar mengetuai rombongan yang terdiri daripada 40 anggota exco dan ahli pergerakan Wanita Umno negeri itu.

"Kunjungan ini tidak semata-mata sekadar kunjungan hormat Wanita Umno Sabah Ke Putrajaya tetapi sebagai menyatakan kesediaan Wanita Sabah memainkan peranan menghulurkan bantuan menjelang pilihan raya tidak lama lagi," kata Siti Zaharah.

"Program mengambil bahagian sebagai anak angkat akan membolehkan kita mengenalpasti masalah, persediaan yang perlu, soal meningkatkan moral, gerak tumpuan yang dirancang...segalanya secara mendalam dan teliti," katanya.

Beliau juga berkata matlamat Wanita Umno sekarang ialah untuk membuktikan kita mampu melaksanakan rancangan seperti yang difokuskan oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Penyertaan di peringkat akar umbi akan membolehkan kita mengenalpasti kerjasama yang boleh kita beri ke atas kumpulan sasar seperti wanita petani, peladang, nelayan dan sebagainya," kata beliau.

Ketika diminta mengulas kenyataannya semalam bahawa Pergerakan Wanita tidak mempunyai peruntukan cukup bagi membiayai pelbagai program, terutama di peringkat akar umbi dalam persediaan menghadapi pilihan raya, Siti Zaharah berkata apa yang beliau maksudkan ialah projek di peringkat negeri.

"Saya ingin menyarankan agar Pergerakan Wanita Umno Negeri menyalurkan terus peruntukan kepada projek bagi mengelakkan ia daripada tertangguh," katanya.

--BERNAMA

JAY